

Terma dan Syarat (T&S) - MySinarKasih Sun Life

- **MySinarKasih Sun Life** ialah program percuma ("**Program**") yang ditawarkan oleh **Sun Life Malaysia Takaful Berhad (SLMT)** merangkumi pelan takaful tempoh percuma yang menyediakan manfaat kematian sebanyak **RM8,000**.
- Pelan takaful tempoh percuma ini ditawarkan kepada warganegara Malaysia dengan NRIC yang sah atau Penduduk Tetap yang menetap di Malaysia, berumur 18–64 tahun, sama ada telah mempunyai sijil takaful SLMT sedia ada atau pelanggan baharu yang menyertai mana-mana pelan takaful SLMT ("**Peserta Layak**").
- Tempoh kempen: 1 Mac 2026 – 31 December 2027 (termasuk kedua-dua tarikh), atau sehingga mencapai 10,000 Peserta Layak, yang mana lebih awal. Program ini terhad kepada 10,000 pendaftaran berjaya berdasarkan prinsip 'siapa cepat dia dapat'. Setelah had pendaftaran dicapai, Program akan ditutup.
- Setiap Peserta Layak hanya dibenarkan menyertai satu pelan takaful tempoh percuma.
- Apabila berlaku kematian ke atas orang yang dilindungi, SLMT akan menggunakan hasil manfaat kematian untuk tujuan **Wakaf dan/atau Badal Haji**, mengikut pilihan yang dipilih oleh Peserta Layak semasa pendaftaran. Tiada manfaat kematian akan dibayar kepada penama, keseluruhan manfaat RM8,000 akan digunakan sepenuhnya untuk Badal Haji atau wakaf kepada Yayasan Waqaf Malaysia.
- Tidak boleh membuat perubahan pada pilihan yang telah dibuat selepas pendaftaran.
- Tempoh menunggu selama 30 hari dikenakan bermula dari tarikh berkuatkuasa sijil. Tiada manfaat akan dibayar jika kematian berlaku dalam tempoh ini. Perlindungan bermula pada hari ke-5 bulan berikut selepas pendaftaran berjaya.

Contoh:

Tarikh Permohonan	Tarikh Mula Perlindungan
1 Mac – 31 Mac 2026	5 April 2026
1 April – 30 April 2026	5 Mei 2026

Nota: Jika kematian berlaku selepas pendaftaran tetapi sebelum tarikh mula perlindungan bermula, tiada manfaat akan dibayar.

- Pelan takaful tempoh percuma ini adalah berasingan dan tidak akan menjadi sebahagian daripada manfaat sijil takaful peserta yang sedia ada.

Terma-terma dan Syarat-syarat Umum

- a) Dengan menyertai Program ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&S yang dinyatakan di sini serta akan mematuhi semua keputusan yang dibuat oleh SLMT.
- b) SLMT berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta Layak sekiranya terdapat alasan munasabah bahawa Peserta Layak telah melanggar mana-mana T&S ini.
- c) Semua keputusan yang dibuat oleh SLMT mengenai setiap aspek Program ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif. Sebarang surat-menyurat, bantahan, pertikaian, rayuan atau pertanyaan tidak akan dilayan.
- d) SLMT mengumpul dan memproses maklumat atau data peribadi Peserta Layak untuk tujuan pentadbiran Program ini termasuk pendaftaran, pengesahan kelayakan, perkhidmatan, pengeluaran sijil, pemprosesan tuntutan, dan penggunaan manfaat berkaitan Syariah seperti Wakaf atau Badal Haji. Data peribadi Peserta Layak boleh diperoleh daripada maklumat yang diberikan dalam permohonan, rekod dalaman SLMT, dan sumber sah lain yang berkaitan untuk pentadbiran Program.
- e) Dengan menyertai Program ini, Peserta Layak bersetuju bahawa SLMT boleh mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan memproses data peribadi mereka untuk tujuan di atas termasuk menghubungi mereka melalui e-mel, SMS, telefon atau saluran komunikasi lain berkaitan penyertaan, perkhidmatan sijil atau keperluan pentadbiran Program.

- f) Sebarang maklumat atau data peribadi yang diberikan oleh Peserta Layak kepada SLMT berkaitan Program ini akan dirahsiakan dan hanya digunakan untuk tujuan Program ini. SLMT hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memelihara integriti dan mencegah kerosakan, kehilangan, kemusnahan atau gangguan terhadap data peribadi Peserta Layak serta akan sentiasa mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan peraturan-peraturan berkaitan di bawahnya. SLMT hendaklah pada setiap masa memastikan data peribadi Peserta Layak diproses dengan teliti mengikut undang-undang sedia ada dan selaras dengan Notis Privasi SLMT yang boleh diakses daripada laman web rasmi SLMT di www.sunlifemalaysia.com.
- g) Dengan menyertai Program ini, anda mengakui bahawa anda telah membaca dan memahami Notis Privasi serta bersetuju dengan terma-terma tersebut.
- h) SLMT berhak, atas budi bicara mutlak, untuk membatalkan, menamatkan, menggantung, melanjutkan, memendekkan atau mengubah Program pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Peserta Layak tidak berhak membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap SLMT atas sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung, sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat tindakan daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- i) SLMT juga berhak pada bila-bila masa dan atas budi bicara mutlak untuk meminda mana-mana T&S, sama ada melalui penambahan, pemotongan, pengubahsuaian atau perubahan ("**Pindaan**") tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Peserta Layak tidak berhak membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap SLMT atas sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung secara langsung atau tidak langsung akibat daripada Pindaan tersebut.
- j) Sekiranya terdapat aduan berkaitan Program ini, Peserta Layak boleh menghubungi SLMT melalui e-mel ke wecare@sunlifemalaysia.com.
- k) T&S ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia serta peraturan, ketetapan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan pengawalseliaan berkaitan yang terpakai kepada Syarikat, dan sebarang pertikaian adalah tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
- l) Ketidaksahan atau ketidakbolehlaksanaan atas apa juga sebab untuk mana-mana bahagian T&S ini tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesahan atau kebolehlaksanaan bahagian-bahagian lain dan setiap bahagian T&S ini adalah berasingan dan boleh diasingkan daripada bahagian T&S yang lain.
- m) T&S ini akan disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
- n) Definisi
 - a) **Tarikh sijil berkuatkuasa** bermaksud tarikh berkuatkuasa untuk sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful. Tarikh ini merupakan tarikh di mana perlindungan bermula.
 - b) **Keadaan sedia ada** bermaksud sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala yang wujud sebelum tarikh permohonan ditandatangani. Seseorang yang dilindungi dianggap mempunyai pengetahuan munasabah tentang keadaan sedia ada sekiranya keadaan tersebut adalah keadaan yang mana:
 - i. rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah pun dicadangkan atau diterima;
 - ii. seseorang yang biasa dan waras yang mengalami kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala seharusnya telah mendapatkan nasihat ataupun rawatan yang sepatutnya untuk kesihatannya; atau
 - iii. kewujudannya telah diketahui oleh orang yang dilindungi, sama ada telah atau tidak, rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis dicadangkan atau diterima.
 - c) **Orang yang dilindungi** bermaksud orang yang diberikan perlindungan takaful sebagaimana dinamakan dalam sijil takaful.